



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 8 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BANGUNAN TERBIAR ALTERNATIF PUSAT PERTANIAN, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAQIS HANDS OVER SEIZED FROZEN MEAT TO ZOO NEGARA, NEWS IN BRIEF, NST -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	137KG BUAH DURIAN DARI THAILAND DIRAMPAS, NEGERI SELANGOR/KL/KEDAH, SH -24	
4.	MAQIS RAMPAS DURIAN DARI THAILAND, BH -ONLINE	
5.	MAQIS SUMBANG MAKANAN KEPADA ZOO NEGARA, BH -ONLINE	
6.	AGROBANK LANCAR BANK BERGERAK, NASIONAL, SH -18	AGROBANK
7.	MOBILE ATM, BUSINESS, NST -21	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Bangunan terbiar alternatif pusat pertanian



Kuala Lumpur: Penggunaan bangunan terbiar untuk dijadikan sebagai pusat pertanian dilihat antara alternatif untuk melaksanakan aktiviti pertanian dalam kawasan dengan keluasan tanah yang terhad.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menggalakkan aktiviti pertanian dalam bangunan terbiar melalui penggunaan teknologi moden dan inovasi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sebagai contoh, pengenalan tanaman oleh Mafi melalui Mardi.

"Mardi memperkenalkan teknologi kilang tanaman atau plant factory serta penanaman hidroponik bertingkat atau vertical farming bagi meningkatkan kepadatan tanaman pada ruang yang terhad.

"Asasnya, kilang tanaman adalah sistem pengeluaran sayuran dalam bangunan. Semua elemen diperlukan seperti cahaya, suhu, gas rumah kaca iaitu gas karbon dioksida (CO₂) dan kelembapan dikawal secara tiruan dengan sokongan sistem kawalan pembajaan serta pengairan secara mekanisasi dan automasi.

"Menerusi teknologi ini juga mampu mengurangkan sisa racun kimia serta pencemaran air dan tanah," katanya berhubung isu sekuriti makanan negara.

Bermula 2 Mei lalu, laporan khas bersiri isu sekuriti makanan negara disiarkan Harian Metro yang mendedahkan pengimportan makanan negara dalam lima tahun naik 22.3 peratus iaitu kepada RM55.4 bilion pada 2020 berbanding RM45.3 bilion pada 2015.

Mengulas lanjut alternatif bangunan terbiar sebagai pusat pertanian, Ronald berkata, petani juga boleh mendapatkan hasil tani sepanjang tahun.

"Ini kerana sistem yang dicipta itu terhindar daripada perubahan cuaca ekstrem seperti banjir, ribut, kemarau atau hujan lebat.

"Bagaimanapun, pelaksanaan program seumpama ini memerlukan persetujuan pelbagai pihak seperti pemilik bangunan serta kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan untuk dilaksanakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2021	NST	NEWS IN BRIEF	14

Maqis hands over seized frozen meat to Zoo Negara

PUTRAJAYA: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) handed over confiscated frozen chicken and buffalo meat linked to cases from January to March to Zoo Negara on Thursday. Maqis said the handover involved nine tonnes of frozen chicken meat worth RM72,000 and 520kg of frozen buffalo meat worth RM6,000. The frozen chicken meat was seized during an attempt to bring them in from a neighbouring country via Bukit Kayu Hitam, Kedah, while the frozen buffalo meat from India was brought in through the North Butterworth Container Terminal, Penang. Maqis hoped the initiative could help Zoo Negara with food for its animals. "Maqis is very committed to helping Zoo Negara ensure there is enough food for the animals." **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/ KL/KEDAH	24

137kg buah durian dari Thailand dirampas



Lori membawa buah durian yang dianggarkan bernilai RM1,096 gagal mematuhi syarat 3P ditahan di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam pada Sabtu.

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan membawa masuk buah durian dari Thailand pada Sabtu.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, lori dari Thailand yang membawa muatan 137 kilogram (kg) buah durian itu ditahan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam kerana gagal mematuhi syarat import yang ditetapkan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan pegawai penguasa Maqis mendapati buah durian yang dianggarkan bernilai RM1,096 gagal mematuhi syarat 3P (Penggredan, Pembungkusan, dan Pelabelan).

"Kesalahan yang dilakukan adalah tidak meletakkan

buah ke dalam bakul, barangan itu ditahan untuk tindakan lanjut kerana tidak mematuhi syarat import," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Lily Rosalind berkata, kegagalan mengemukakan maklumat tersebut menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasakan di semua pintu masuk negara bagi keluaran pertanian yang dibawa masuk ke negara ini.

"Mereka hendaklah mematuhi peraturan ditetapkan bagi memastikan aspek biosekuriti negara terjamin," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS rampas durian dari Thailand



Durian yang dirampas kerana tidak mematuhi syarat import iaitu tidak meletakkan buah ke dalam bakul di ICQS Bukit Kayu Hitam, Sabtu lalu. - Foto ihsan MAQIS

ALOR SETAR: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menggagalkan cubaan membawa masuk durian bernilai lebih RM1,000 dari Thailand tanpa permit import sah.

Durian seberat 130 kilogram itu dirampas MAQIS selepas menahan sebuah lori dari Thailand di Kompleks Imigresen

Kastam Kuarantin (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada Sabtu lalu.

Pengarahnya, Lily Rosalind Paul, berkata pemeriksaan rutin pegawai penguat kuasa MAQIS, pihaknya mendapati durian yang dibawa tidak mematuhi syarat import seperti yang telah ditetapkan iaitu gagal mematuhi syarat 3P (Penggredan, Pembungkusan, dan Pelabelan) dengan tidak meletakkan buah dalam bakul.

Pengimport cuba mengaburi mata pihak berkuasa apabila meletakkan hanya sebahagian durian dalam bakul manakala puluhan biji durian disembunyi dan tidak diletakkan dalam bakul.

"Kegagalan untuk mengemukakan maklumat berkenaan adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15(2) Akta yang sama," katanya dalam kenyataan hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS sumbang makanan kepada Zoo Negara



PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) hari ini menyerahkan sumbangan bekalan makanan sejumlah RM78,000 kepada Zoo Negara.

Menurut satu kenyataan media hari ini, sumbangan itu terdiri daripada 740 karton atau sembilan tan ayam sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM72,000 dan 520 kilogram (kg) daging kerbau sejuk beku dari India

dengan anggaran bernilai RM6,000.

Katanya, sumbangan itu adalah rampasan yang dilucuthakkan membabitkan kes dari Januari sehingga Mac lalu.

Penyerahan disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian (I), Datuk Seri Ahmad Hamzah yang berlangsung di Wisma Tani hari ini.

Semua ayam sejuk beku itu ditahan semasa cubaan diseludup dari negara jiran melalui pintu masuk Bukit Kayu Hitam, Kedah, manakala daging kerbau sejuk beku pula dari India melalui Pulau Pinang.

Katanya, MAQIS komited membantu Zoo Negara dalam memastikan bekalan makanan haiwan mencukupi selain terus memastikan isu-isu yang membabitkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian serta penternakan negara dapat dibendung serta dikawal.

"Inisiatif ini juga diharap dapat membantu menampung bekalan makanan haiwan di Zoo Negara," katanya.

Agrobank lancar bank bergerak

Inisiatif bagi membantu komuniti luar bandar di Sarawak

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM

Agrobank melancarkan bank bergerak pertamanya yang menyediakan perkhidmatan di sembilan kawasan bagi membantu komuniti luar bandar di Sarawak.

Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang berkata, bank bergerak ini merupakan komitmen berterusan Agrobank untuk membantu golongan yang kurang mendapat perhatian ke arah mencapai rangkuman kewangan dan memperluaskan akses pembiayaan yang merupakan inisiatif kerajaan Sarawak dan Bank Negara Malaysia Sarawak.

Menurutnya, Agrobank akan terus memberikan komitmen yang berterusan dalam menyokong inisiatif kerajaan Sarawak dalam mencapai rangkuman kewangan dan pada masa sama membantu pertumbuhan ekonomi komuniti luar bandar.

“Dengan potensi pembangunan kegiatan ekonomi di Sarawak, Agrobank melihat keperluan yang lebih besar untuk membantu mendorong peningkatan ekonomi Sarawak.

“Kami berbesar hati memperkenalkan perkhidmatan perbankan mobil ini dan berbangga menjadi antara bank yang pertama menyediakan perkhidmatan seumpama ini kepada penduduk di wilayah selatan Sarawak iaitu Padawan, Bau, Lundu, Sematan, Linggan, Pantu, Tebedu, Asajaya dan Sebuyau,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Sebelum ini, majlis pelancaran bank bergerak telah disampaikan oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi



Abang Johari menyempurnakan acara flag-off pada Majlis Pelancaran Bank Bergerak Agrobank di Kuching, Sarawak.

Abang Johari Tun Openg di Kuching, Sarawak.

Dalam pada itu, Mustapha berkata, lebih 72 peratus cawangan dan kios Agrobank terletak di kawasan luar bandar.

Katanya, Agrobank berkeyakinan perkhidmatan kewangan yang komprehensif merupakan salah satu medium untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi sekali gus meningkatkan pemerataan individu dan komuniti.

bankan atas bot yang merentasi Sungai Rejang khusus buat komuniti di Kapit, Sibuan dan Belaga.

“Hari ini, usaha kami diteruskan dengan pelancaran bank bergerak ini yang akan mewujudkan perkhidmatan perbankan bagi memudahkan masyarakat luar bandar di Sarawak.

“Ia sejajar dengan objektif bank yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat yang kurang mendapat perhatian,” katanya.

Beliau berkata, Agrobank sentiasa berusaha mengimbangi peranan pembangunan dan komersialnya dengan menyediakan pembiayaan rantai nilai penuh untuk sektor pertanian.

“Ia termasuklah aktiviti seperti pertanian berasaskan makanan dan komoditi, seterusnya kepada aktiviti hiran seperti pemrosesan, pemasaran dan penjualan produk berasaskan pertanian,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2021	NST	BUSINESS	21

2 MOBILE ATM
Sarawak Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg (top row, second from left) flagging off Agrobank's mobile automated teller machine service in Kuching recently.

